

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH - JB PAHANG

Clen

ROSLIN BINT' RASLI
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diseraikan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malayia
(KUSTEM)

2005

0/3364

1100045481

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

LI 73 FPE 1 2005



1100045481

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Daerah dan Tanah Raub Pahang / Roslan Rasli.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045481

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEX

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB PAHANG

OLEH

**ROSLIN BINTI RASLI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005


1100045481

ROSLIN BINTI RASLI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Roslin Binti Rasli (**UK9235**) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: **Roslin Binti Rasli**

Tarikh: 20 · 11 · 2005

Disahkan oleh:



Tuan Haji Razali bin Abdullah

Penyelia KUSTEM

b/p **Pengerusi Latihan Industri**

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim...

Bersyukur saya kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menjalani Latihan Industri di Bahagian Pelupusan Tanah Pejabat Daerah dan Tanah Raub, Pahang ini dengan jayanya yang mana bermula pada 21 Mac 2005 sehingga 10 Jun 2005. Di kesempatan ini ingin saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Penyelia KUSTEM saya iaitu Tuan Haji Razali Bin Abdullah yang banyak memberi dorongan, nasihat, tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya selama ini tanpa mengenal erti jemu.

Ucapan terima kasih setinggi-tingginya saya ucapkan kepada Encik Baharudin bin Mohd Yusop (Pegawai Daerah Raub) dan Encik Adnan bin Ibon (Ketua Penolong Pegawai Daerah)merangkap Ketua Bahagian Pelupusan Tanah yang sudi memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri di pejabat ini. Ucapan terima kasih yang istimewa juga saya rakamkan di sini buat Penyelia Industri saya iaitu Encik Zuhdi bin Mohd Hussin [Ketua Pembantu Tadbir N.22(P)] yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan selama saya menjalani Latihan Industri di pejabat ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada seluruh warga di dalam Pejabat Daerah dan Tanah Raub terutamanya di Unit Pelupusan Tanah yang mana banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar serta kerjasama yang baik kepada saya. Jika ada sebarang kemosykilan tentang perkara yang berkaitan dengan pejabat, warga pejabat ini tidak lokek untuk memberi pandangan atau informasi kepada saya. Jutaan terima aksih sekali lagi saya ucapkan. Tidak lupa juga istimewa buat keluarga saya yang tersayang, ibu, ayah dan adik-beradik saya yang banyak berkorban dan tidak jemu dalam memberikan dorongan kepada saya demi memastikan saya dapat menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya. Sekali lagi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan ayah saya.

Akhir sekali, saya berharap agar segala bantuan yang diberikan oleh semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ini mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. Semoga laporan ini menjadi panduan kepada pelajar-pelajar lain yang akan menjalani Latihan Industri ini pada masa akan dating.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Pengesahan Keaslian Laporan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Isi kandungan.....	iv-v
Senarai Rajah.....	vi
Ringkasan Eksekutif.....	vii

BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan.....	1-3
1.2 Sejarah Penubuhan Organisasi.....	4-21
1.3 Maklumat Organisasi.....	21-25
1.4 Aktiviti Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Raub.....	26-30
1.5 Perkhidmatan Pejabat Daerah dan Tanah Raub.....	30-37
1.6 Kemahiran Yang Dipelajari.....	37-43
1.7 Kesimpulan.....	44

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1 Pengenalan.....	45
2.2 Mengesan Sistem Sedia Ada.....	45-50
2.3 Mengenalpasti Masalah.....	50-52
2.4 Cadangan Penyelesaian.....	52-59
2.5 Implikasi Cadangan Penyelesaian.....	59-61
2.6 Kesimpulan.....	62

BAB 3 : ANALISIS (SWOT) TENTANG UNIT PELUPUSAN TANAH RAUB PAHANG

3.1 Pengenalan.....	63
3.2 Kekuatan.....	63-69
3.3 Kelemahan.....	69-71
3.4 Peluang.....	71-72
3.5 Ancaman.....	72-74
3.6 Kesimpulan.....	75

BAB 4 : PENUTUP

4.1 Pengenalan.....	76
4.2 Lakaran Pengharapan Kepada Pendekatan Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah.....	76-77
4.3 Faedah Dan Matlamat Yang Telah Dicapai Dalam Latihan Industri.....	78-79
4.4 Kesimpulan.....	80

RUJUKAN

LAMPIRAN

GAMBAR

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Lokasi Pejabat Daerah dan Tanah Raub

Rajah 2: Logo PDTR

Rajah 3: Carta Organisasi PDTR

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sepanjang berada di Pejabat Daerah dan Tanah Raub Pahang sebagai pelatih Latihan Industri, penulis dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat di organisasi ini khususnya di Unit Pelupusan Tanah. Secara umumnya terdapat lima masalah utama yang dihadapi oleh organisasi ini. Masalah yang pertama adalah berkaitan dengan masalah tenaga kerja. Masalah yang kedua adalah masalah pengurusan dan sistem yang kurang cekap. Seterusnya ialah masalah disiplin di kalangan pekerja dan masalah kekurangan komputer. Selain itu, terdapat beberapa lagi masalah lain yang telah dikenalpasti di unit ini.

Berdasarkan masalah tenaga kerja, antara masalah yang telah dikenalpasti adalah seperti masalah organisasi pejabat yang memerlukan pengemaskinian dan penyusunan semula penjawatan Jabatan, masalah kakitangan tidak bersetuju dengan kaedah pusinga kerja, masalah tiada tindakan pemulihian dilaksanakan kepada mereka yang mempunyai masalah peribadi atau disiplin dan yang paling serius dilihat ialah masalah bilangan kakitangan yang tidak mencukupi atau kurang berpengalaman.

Selain itu, masalah pengurusan dan sistem yang kurang cekap pula adalah seperti masalah tata tertib, Deraf Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang masih di takuk lama serta masalah kekeliruan di kalangan kakitangan tentang kod etika kerja. Di samping itu, masalah disiplin pula adalah terdiri daripada masalah kakitangan merokok dalam kawasan pejabat dan kakitangan yang melanggar atau tidak mematuhi masa yang telah ditetapkan kad perakam waktu atau lewat. Masalah lain pula adalah seperti masalah barang lapuk di Unit Pelupusan yang mana fail-fail berkenaan permohonan tanah sukar dicari.

Selain itu, beberapa sistem telah dikenalpasti, mempelajari beberapa kemahiran dan mendapat latihan dalam beberapa aspek penting. Antaranya yang paling utama ialah mengendalikan perkara yang berkaitan permohonan tanah seperti Permohonan Lesen Berpendudukan Sementara (LPS). Penulis juga turut dilatih tentang aspek menyediakan dan membuat minit mesyuarat, mempelajari kemahiran membuat Deraf Manual Prosedur Kerja dan mengemaskini fail. Di samping itu, dapat mempelajari kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelanggan dan orang ramai dengan cara yang lebih baik.

Sistem ini dapat membantu organisasi untuk mencapai pengurusan kerja yang lebih sistematik. Oleh itu, sistem yang digunakan sekarang harus dikekalkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa sesuai ia menjadi lebih bagus dan sesuai mengikut perubahan masa. Secara ringkasnya, Latihan Industri ini telah memberikan pengalaman yang begitu berharga kepada penulis sebelum menempuh alam pekerjaan kelak. Latihan Industri ini juga telah memberi banyak peluang kepada penulis untuk mempelajari pelbagai aspek pentadbiran dan pengurusan pejabat khususnya di Unit Pelupusan Tanah.